

CNS3477

R GB 13-09 00160 BH020

Bah

SEMUA KAUM NIKMATI KEKAYAAN NEGARA: MAHATHIR

Mahathir - MIC

(Embargo: Untuk siaran selepas pukul 10 malam ini)

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri berkata, tidak ada kaum diketepikan dalam pembahagian kekayaan negara, malah semua orang menikmati faedah daripada pembangunan kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mempraktikkan sistem ekonomi bebas dan semua pihak tidak mengira kaum, mempunyai peluang untuk memperbaiki diri mereka.

+Kerajaan menyediakan peluang yang luas kepada rakyat yang mempunyai inisiatif, sanggup bekerja keras dan mempunyai semangat keusahawanan untuk memajukan diri,+ katanya ketika merasmikan perhimpunan agung MIC ke-38 dan jamaun malam sempena ulang tahun lie-46 MIC, di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, tidak timbul soal +tidak adil+ atau perasaan agihan yang tidak saksama kerana agihan ekonomi yang sedia ada mencukupi untuk semua.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, parti-parti lawan sering menimbulkan isu kononnya kerajaan tidak berlaku adil kepada semua kaum. -- lagi

♥13/09/19-36MST

CNS3478

R GB 13-09 00126 BH021

Bah

Mahathir - MIC 2 Kuala Lumpur (Embargo)

+Di kalangan masyarakat kaum India pun ada cakap-cakap bahawa kaum India tidak memperolehi agihan yang saksama dalam bidang ekonomi,+ kata beliau.

Sambil menyangkal dakwaan itu, beliau berkata langkah penting yang perlu dilakukan ialah mengekalkan kestabilan politik dan perpaduan supaya pertumbuhan ekonomi dapat dikembangkan.

Perdana Menteri menegaskan hanya Barisan Nasional dapat menjamin masa depan masyarakat kaum India di negara ini.

+Ini telah terbukti sejak MIC menjadi rakan Perikatan lagi, kepentingan masyarakat kaum India telah dijaga dengan baik oleh pakatan UMNO-MCA-MIC dan kemudian Barisan Nasional,+ tambah beliau.

+Segala masalah telah dibawa ke meja rundingan dan diputuskan melalui sebulat suara. Inilah satu keunikan yang terdapat dalam Barisan Nasional,+ katanya. -- lagi

♥13/09/19-37MST

CNS3480

R GB 13-09 00105 BH022

Bah

Mahathir - MIC (Akhir) 3 Kuala Lumpur (Embargo),..

Beliau berkata, adalah penting masyarakat kaum India terus memberi sokongan kepada Darisan Nasional dan tidak terpengaruh dengan taktik parti lawan yang sentiasa menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat.

Beliau mengingatkan pemimpin dan anggota MIC supaya tidak terpengaruh dengan dakwah dan tuduhan parti lawan seperti DAP.

+Sebarang masalah yang dihadapi oleh masyarakat kaum India hendaklah dibawa ke meja perundingan. Tidak ada faedahnya kita mengemukakan masalah kita di khalayak ramai,+ kata beliau.

Seramai 2,000 perwakilan dan pemerhati MIC menghadiri perhimpunan agung selama tiga hari itu. -- Bernama

♥13/09/19-39MST